

Mahasiswa baharu bertekad terajui kecemerlangan UMS

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
aisyahub@gmail.com

UB 05.04.2012 B4

MELANGKAH sahaja memasuki dunia kampus menjadikan Randall Lee, 19, menanam tekad untuk melaksanakan misi menyebarluaskan maklumat tentang penjagaan alam sekitar.

Dia adalah pelajar yang baru sahaja mendaftar sebagai mahasiswa kursus Pemuliharaan Biologi, Sekolah Sains dan Teknologi (SST), Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk sesi akademik 2012/2013.

Tatkala menerima tawaran sebagai mahasiswa di universiti yang terkenal dengan keindahan lanskapnya ini, Randall menyimpan hasrat untuk menerajui secara lebih mendalam aktiviti berkaitan alam sekitar.

"Apabila melihat sendiri keadaan persekitaran di UMS, saya memang kagum dengan kedudukan lanskap yang terdapat di sini. Justeru, saya juga mencipta impian untuk menjadi warga UMS yang prihatin dengan alam sekitar.

"Justeru, saya juga mencipta impian untuk menjadi warga UMS yang prihatin dengan alam sekitar.

"Selain itu, saya berpendapat aspek kebersihan perlu menjadi tanggungjawab semua orang dalam memastikan tahap kebersihan di UMS sentiasa memuaskan," katanya yang ditemui *Utusan Borneo* selepas majlis penyampaian amanat Pro Canselor UMS kepada mahasiswa baru sesi akademik 2012/2013 di sini, Isnin lepas.

Seiring dengan hasratnya itu, Randall yang berasal daripada Keningau ini bercita-cita untuk mewujudkan Kelab Duta Hijau bagi memperkenalkan aktiviti-aktiviti dan program yang melibatkan penjagaan alam sekitar.

Menurutnya, menerusi kelab itu lebih banyak maklumat boleh diperolehi pelajar tentang masalah atau isu berkaitan alam sekitar.

"Apabila melihat sendiri keadaan persekitaran di UMS, saya memang kagum dengan kedudukan lanskap yang terdapat di sini. Justeru, saya juga mencipta impian untuk menjadi warga UMS yang prihatin dengan alam sekitar. Selain itu, saya berpendapat aspek kebersihan perlu menjadi tanggungjawab semua orang dalam memastikan tahap kebersihan di UMS sentiasa memuaskan."

RANDALL LEE, 19.

Mahasiswa kursus Pemuliharaan Biologi, Sekolah Sains dan Teknologi (SST) sesi akademik 2012/2013

Bagi Sierra Erna Aloysius, 19, peluang menjadi mahasiswa UMS menambahkan lagi semangatnya untuk bergiat aktif dalam bidang sukan.

Pelajar tahun satu kursus Perakaunan, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) ini berkata, layanan mesra dan keprihatinan para kakitangan dan senior semasa tiba di kampus itu begitu menyenangkan.

Dia yang sebelum ini pernah mewakili Sabah menerusi acara olahraga mahu meneruskan minat mendalamnya terhadap dunia sukan di UMS.

"Namun begitu, sebagai mahasiswa baru, saya perlu bijak dalam membahagikan masa antara aktiviti sukan dan juga akademik.

"Ini kerana, matlamat utama saya menjadi mahasiswa adalah mencapai kecemerlangan dalam akademik dan berjaya dalam bidang sukan," katanya yang berasal daripada Penampang ini.

Sierra juga berharap cita-cita dan matlamat yang diletakkan dalam diri dapat menjadi panduan untuk menjadi seorang mahasiswa yang cemerlang.

Seorang lagi mahasiswa baru UMS, Hadijah Nahar, 20, yang berasal daripada Samarahan Sarawak amat mengagumi keindahan pemandangan negeri

Sabah.

Pertama kali menjelaskan kaki ke bumi di bawah bayu ini, Hadijah amat bangga kerana UMS adalah universiti pertama piliahnya.

"Sebelum ini saya banyak mendapat maklumat mengenai UMS daripada senior-senior saya yang belajar di sini.

"Sejak itu, saya mula menyimpan hasrat dan impian untuk menjadi salah seorang mahasiswa UMS," katanya yang mengambil kursus Ekonomi Sumber Manusia, SPE.

Menurutnya, semasa sekolah dulu, dia kurang aktif dalam ko-kurikulum. Justeru, antara perancangan awalnya adalah untuk terlibat aktif dalam aktiviti ko-kurikulum.

Bercita-cita untuk menjadi ahli perniagaan berjaya, Hadijah mahu menggunakan pengetahuan dan pendedahan yang diterima di UMS sebagai panduan untuk mencapai cita-cita itu.

Pada majlis itu, amanat Pro Canselor UMS disampaikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman. Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Abdul Hamid Egoh dan Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Mohd Harun Abdullah.



RANDAL



SIERRA



HADIJAH



MAHASISWA baharu UMS berkesempatan bergambar bersama Musa (empat kanan), Mohd Harun, (empat kiri), Abdul Hamid (tiga kanan) dan pegawai atasan UMS yang lain selepas majlis itu.